



PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUANTAN

PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)



LATAR BELAKANG ORGANISASI

- ❖ PDT Kuantan mula ditubuhkan pada 10 Ogos 1895 serentak dengan pelantikan Pegawai Daerah Kuantan yang pertama iaitu W.G Maxwell. Kuantan merupakan ibu negeri bagi negeri Pahang Darul Makmur yang merupakan pusat pentadbiran negeri.
- ❖ Bidang kuasanya tertakluk kepada hal ehwal pentadbiran kawasan dalam daerah Kuantan seluas 296,042 hektar persegi atau 2,690 km persegi meliputi tujuh (7) mukim dan 65 Jawatankuasa Keselamatan Kampung (JKKK).
- ❖ Pentadbiran PDT Kuantan diterajui oleh Pegawai Daerah dan dibantu oleh tiga (3) Ketua Penolong Pegawai Daerah bagi tiga (3) perkhidmatan teras iaitu Bahagian Pengurusan Tanah, Bahagian Pembangunan Daerah dan Bahagian Pengurusan Daerah.

BAB 1 : LATAR BELAKANG ORGANISASI

1. Bahagian Pengurusan Tanah

Diketuai oleh seorang Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pengurusan Tanah) dan bertanggungjawab untuk memastikan pengurusan tanah daerah Kuantan yang meliputi pembangunan tanah, pendaftaran tanah, pelupusan tanah, teknikal dan penguatkuasaan tanah serta hasil tanah dilaksanakan dengan teratur, cekap dan sistematik berdasarkan undang-undang dan peraturan berkuat kuasa semasa selaras dengan strategi pembangunan daerah, Negeri dan Negara.

2. Bahagian Pembangunan Daerah

Diketuai oleh Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan Daerah) dan bertanggungjawab memastikan pelaksanaan projek pembangunan luar bandar di daerah Kuantan adalah selaras dengan peraturan berkuat kuasa semasa selaras dengan strategi pembangunan daerah, Negeri dan Negara dalam memenuhi keperluan masyarakat luar bandar.

LATAR BELAKANG ORGANISASI

3. Bahagian Pengurusan Daerah

Diketuai oleh Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pengurusan Daerah) untuk memastikan tadbir urus kewangan, perolehan, sumber manusia dan pentadbiran PDT kuantan dilaksanakan secara efisien dan cekap mengikut prosedur/ tatacara/ pekeling berkuatkuasa semasa. Bahagian ini juga bertanggungjawab memastikan pengurusan majlis keraiian daerah dilaksanakan secara teratur.

Alamat Premis

Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan
Bangunan Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan
Bandar Indera Mahkota
25990 Kuantan
Pahang Darul Makmur
Tel : 09-5712400 Faks : 09-5712500'
Emel : pdktn@pahang.gov.my
Website : <http://pdtkuantan.pahang.gov.my>

VISI

Menjadikan Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan sebagai sebuah organisasi terbilang melalui penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkualiti ke arah kemajuan dan kesejahteraan Daerah Kuantan.

MISI

Mengurus pentadbiran daerah dan tanah dengan cekap, adil dan berkesan secara berterusan seiring dengan dasar-dasar kerajaan.

OBJEKTIF

Merancang dan mentadbir serta melaksanakan dasar-dasar kerajaan dengan cekap dan berkesan secara bersistematik mengikut undang-undang yang berkenaan selaras dengan dasar pembangunan daerah, negeri dan negara.

TAGLINE

'Proaktif, Transformasi, Dedikasi'

BAB 2 : PENGURUSAN RISIKO RASUAH

Proses pengurusan yang membantu inisiatif pencegahan rasuah melalui pengenalpastian kelemahan struktur organisasi yang membuka peluang kepada rasuah dan penyelewangan kuasa. Ia menyediakan rangka kerja pengurusan risiko rasuah bagi memudahkan warga kerja PDT Kuantan mengenalpasti faktor-faktor risiko dan tindakan pencegahan yang boleh dilaksanakan terhadap sesuatu risiko.

DEFINISI RASUAH

Berdasarkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM), rasuah ditakrifkan sebagai penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi. Suapan terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan, upah dan diskaun.

Berdasarkan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Akta SPRM 200) (Akta 694), terdapat 4 kesalahan rasuah yang utama iaitu:

- a) Meminta atau menerima rasuah
- b) Menawar atau memberi suapan
- c) Mengemukakan tuntutan palsu
- d) Menggunakan jawatan/ kedudukan untuk suapan pegawai badan awam

PUNCA & KESAN RASUAH



PROSES PENGURUSAN RISIKO RASUAH



1. KENALPASTI RISIKO

1. Risiko rasuah ditentukan berdasarkan mekanisme seperti berikut:
 - a) Menganalisis isu dalaman dan luaran setiap prosedur kerja dan mengenalpasti isu dalaman dan luaran yang berpotensi mewujudkan risiko rasuah.
 - b) Data-data dalaman organisasi seperti aduan, kes-kes tatatertib, kajian kepuasan pelanggan dan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN).
 - c) Data-data daripada agensi luar seperti Laporan Ketua Audit Negara, SPRM dan Biro Pengaduan Awam.
2. Isu dalaman dan luaran yang telah dikenalpasti bagi pelaksanaan 25 prosedur-prosedur kerja untuk tujuan pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti dianalisis bagi menyenaraikan isu dalaman dan luaran yang boleh mewujudkan risiko rasuah.
3. Risiko rasuah yang dikenalpasti dimasukkan ke dalam senarai daftar risiko.

2. PENILAIAN RISIKO

1. Penilaian risiko yang dikenal pasti dilaksanakan dengan mengambil kira kebarangkalian risiko itu berlaku:

KEBARANGKALIAN	PENERANGAN
Hampir Pasti	Sesuatu kejadian yang kerap/ hampir pasti berlaku – sekali dalam sebulan
Kemungkinan Tinggi	Sesuatu kejadian yang besar kemungkinan berlaku – sekali setiap 6 bulan
Ada kemungkinan	Sesuatu kejadian yang mungkin berlaku – sekali setahun
Kemungkinan Rendah	Sesuatu kejadian yang rendah kemungkinan berlaku – sekali dalam setiap 3 tahun
Jarang	Sesuatu kejadian yang yang berlaku – melebihi 3 tahun

2. PENILAIAN RISIKO

2. Manakala indeks impak risiko seperti jadual di bawah adalah sebagai rujukan bagi menentukan tahap impak sesuatu insiden berdasarkan beberapa faktor yang dikenal pasti.

Kategori	Tiada	Kecil	Sederhana	Besar	Bencana
Imej Korporat	Tiada impak, tiada aduan	Impak rendah, berita profil rendah	Impak sederhana, berita profil sederhana, tidak perlu tindakan lanjut	Menjejaskan imej korporat, berita profil tinggi dan tindakan pihak ketiga peringkat Negeri	Menjejaskan imej korporat, berita profil tinggi dan tindakan pihak ketiga peringkat Kebangsaan
Kewangan	Tidak memberi impak	Impak rendah dan <1% daripada peruntukan mengurus	Impak sederhana >1-2% daripada peruntukan mengurus	Impak besar >2%-3% daripada peruntukan mengurus	Peruntukan tidak mencukupi
Operasi	Tidak memberi impak	Impak kecil tetapi boleh dibuat pembetulan serta merta	Impak sederhana dan memerlukan semakan semula prosedur kerja diperingkat jabatan	Impak besar dan memerlukan pindaan prosedur kerja melibatkan pihak ketiga peringkat Negeri	Impak besar dan memerlukan pindaan prosedur kerja melibatkan pihak ketiga peringkat Negara

2. PENILAIAN RISIKO

3. Seterusnya tahap risiko akan diukur dengan menggabungkan impak dan kebarangkalian sesuatu risiko berdasarkan jadual seperti berikut:

Impak

	Tiada	Kecil	Sederhana	Besar	Bencana
Hampir pasti	Signifikan	Signifikan	Tinggi	Tinggi	Tinggi
Kemungkinan tinggi	Sederhana	Signifikan	Signifikan	Tinggi	Tinggi
Ada kemungkinan	Rendah	Sederhana	Signifikan	Tinggi	Tinggi
Kemungkinan rendah	Rendah	Rendah	Sederhana	Signifikan	Tinggi
Jarang	Rendah	Rendah	Sederhana	Signifikan	Signifikan

Kebarangkalian

DAFTAR RISIKO RASUAH

BIL	BAHAGIAN	RISIKO	TAHAP RISIKO
1	Pengurusan Tanah	Kutipan tidak diakaun di dalam akaun hasil	Tinggi
2	Pengurusan Tanah	Cukai tanah tidak dikutip dengan efisien	Tinggi
3	Pengurusan Tanah	Tunggakan fail permohonan tanah dan diproses tidak mengikut turutan	Signifikan
4	Pembangunan Daerah	Kebocoran maklumat sebut harga	Signifikan
5	Pembangunan Daerah	Salah guna kuasa dalam perolehan kerja	Signifikan
6	Pengurusan Daerah	Tuntutan palsu oleh kakitangan	Moderate
7	Pengurusan Daerah	Barangn/ perkhidmatan yang dibekal tidak berkualiti dan tidak setanding harga	Signifikan

BAHAGIAN PENGURUSAN TANAH

Isu Dalaman/ Luaran	Risiko Rasuah	Kategori Risiko	Peluang Sekiranya isu ditangani	Pelan Tindakan	Kaedah Integrasi / Implementasi Tindakan	Kaedah Penilaian Keberkesanan Tindakan	Keberkesanan Tindakan
Isu Dalaman Kakitangan tidak amanah/ kakitangan kurang mahir dalam melaksanakan tugas/ kurang penyeliaan	Kutipan tidak diakaun dalam akaun hasil	Signifikan	Kutipan hasil mencapai sasaran yang ditetapkan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Meningkatkan ilmu pengetahuan kakitangan. 2. Pengukuhan integriti kakitangan. 3. Meningkatkan kawalan keselamatan 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penyertaan kursus kewangan 2. Penyediaan program pengukuhan integriti 3. Pemasangan CCTV dan akses kawalan masuk. 	Laporan kutipan hasil	Dilaporkan di dalam mesyuarat MKSP
Isu Luaran Pemilik tanah culas untuk membayar cukai tanah.	Cukai tanah tidak dikutip dengan efisien	Tinggi	Kutipan hasil tanah mencapai sasaran yang ditetapkan.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Meningkatkan kesedaran orang awam untuk membayar cukai tanah. 2. Menguatkuasakan undang-undang. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menyediakan kemudahan orang awam untuk membayar cukai 2. Mengeluarkan notis 6A dan 8A kepada yang tidak gagal membuat bayaran. 	Laporan kutipan hasil	Dilaporkan di dalam mesyuarat MKSP

BAHAGIAN PENGURUSAN TANAH

Isu Dalaman/ Luaran	Risiko Rasuah	Kategori Risiko	Peluang Sekiranya isu ditangani	Pelan Tindakan	Kaedah Integrasi / Implementasi Tindakan	Kaedah Penilaian Keberkesanan Tindakan	Keberkesanan Tindakan
<p>Isu Dalaman Kakitangan kurang mahir/ bersikap sambil lewa, tidak komited melaksanakan tugas</p> <p>Kurang penyeliaan/ pengawasan</p>	Tunggakan fail permohonan tanah dan permohonan diproses tidak mengikut turutan.	Tinggi	Permohonan tanah dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan.	<p>Meningkatkan ilmu kakitangan dalam bidang tanah.</p> <p>Meningkatkan kepimpinan PPT Kanan.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penyertaan kursus anjuran INSTUN 2. Anjuran kursus tanah dalaman. 3. Lantikan Pegawai Penyelia 	Melalui kajian kepuasan pelanggan dan aduan awam	Dilaporkan di dalam mesyuarat MKSP.
<p>Isu Luaran Bilangan permohonan tanah yang banyak melebihi keupayaan kakitangan untuk memproses.</p>		Tinggi	Permohonan tanah dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan.	Menyelesaikan tunggakan fail	<ol style="list-style-type: none"> 1. Task Force 2. Penambahan kakitangan kontrak 3. Arahan kerja lebih masa 4. Pembahagian tugas Penolong Pegawai Tanah Mengikut Mukim 	Melalui kajian kepuasan pelanggan dan aduan awam	Dilaporkan di dalam mesyuarat MKSP.

BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAERAH

Isu Dalaman/ Luaran	Risiko Rasuah	Kategori Risiko	Peluang Sekiranya Isu Ditangani	Pelan Tindakan	Kaedah Integrasi / Implementasi Tindakan	Kaedah Penilaian Keberkesanan Tindakan	Keberkesanan Tindakan
<p>Isu Dalaman Kakitangan kurang berkemahiran dalam proses sebutharga</p> <p>Pecah amanah dan tidak bertanggungjawab</p> <p>Kepentingan peribadi</p>	Kebocoran maklumat sebut harga/ pembelian terus	Tinggi	Projek dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan memberi impak kepada golongan sasaran.	Memperkasakan pengukuhan integriti dikalangan kakitangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penyertaan kursus perolehan. 2. Penyertaan kursus integriti. 	Melalui kajian kepuasan pelanggan dan aduan awam serta laporan audit dalam/ negara.	Dilaporkan di dalam mesyuarat MKSP
<p>Isu Luaran Kontraktor memberi sogokan.</p> <p>Campurtangan politik.</p>	Salah guna kuasa dalam perolehan kerja	Tinggi	Projek berkualiti dan dapat disiapkan dalam tempoh ditetapkan.	Meningkatkan kesedaran integriti dan antirasuah	<ol style="list-style-type: none"> 1. Hebahan brosur komitmen PDT Kuantan terhadap antirasuah 	Melalui kajian kepuasan pelanggan dan aduan awam	Dilaporkan di dalam mesyuarat MKSP

BAHAGIAN PENGURUSAN DAERAH

Isu Dalaman/ Luaran	Risiko Rasuah	Kategori Risiko	Peluang Sekiranya Isu Ditangani	Pelan Tindakan	Kaedah Integrasi / Implementasi Tindakan	Kaedah Penilaian Keberkesanan Tindakan	Keberkesanan Tindakan
Isu Dalaman Kakitangan tidak jujur dan tiada kesedaran integriti	Tuntutan palsu oleh kakitangan	Tinggi	Pengurusan kewangan secara berhemah dan menguntungkan kerajaan.	Meningkatkan ilmu kakitangan dalam pengurusan kewangan dan pengukuhan integriti	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penyertaan kursus asas kewangan dan perolehan 2. Mewajibkan penyertaan kursus sekurang-kurangnya 5 hari setahun. 	Melalui kajian kepuasan pelanggan dan aduan awam	Dilaporkan di dalam mesyuarat MKSP
Isu Luaran Pembekal tidak jujur dan mementingkan keuntungan	Barang/ perkhidmatan yang dibekal tidak berkualiti dan tidak setanding harga	Tinggi	Perolehan menguntungkan kerajaan.	Memastikan harga yang diberi adalah munasabah dan menguntungkan kerajaan.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Melaksanakan kajian pasaran sekurang-kurangnya 3 pembekal 2. Penilaian prestasi pembekal. 	Melalui kajian kepuasan pelanggan dan aduan awam	Dilaporkan di dalam mesyuarat MKSP

PENUTUP

Corruption risk management tool (CRM) adalah satu cara berkesan yang boleh digunakan oleh sesebuah organisasi untuk mengesan risiko rasuah. Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan komited untuk memastikan risiko-risiko rasuah yang telah dikenalpasti tidak menjadi kenyataan. CRM ini akan sentiasa dikemaskini berdasarkan risiko-risiko rasuah baharu yang dikenalpasti dari semasa ke semasa.